

Dasar Landskap untuk pengurusan lebih baik

Oleh NIK JASNI
CHE JAAFAR

aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Brig Jen Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampom berkata pengwujudan Dasar Landskap untuk universiti itu adalah perlu sebagai garis panduan supaya vegetasi atau pokok yang terdapat di universiti berkenaan tidak dihapuskan dengan sewenang-wenangnya.

Katanya, langkah ini juga mampu melatih masyarakat agar lebih bijak dalam membantu menangani isu berkaitan perubahan iklim, pemanasan global dan kesan rumah hijau melalui kerjasama menghijaukan kawasan berkenaan.

"Kita harus pupuk kesedaran mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta mengharmonikannya dengan peningkatan kualiti hidup di kampus UMS."

"UMS sudah wujud selama 16 tahun tapi landskapnya masih lagi tidak menentu kecuali sedikit pemandangan di pintu masuk universiti."

"Justeru, kita mahu pokok-pokok ditanam dengan lebih tersusun dan berstruktur dalam usaha mentransformasikan universiti menjadi sebuah taman," kata Dr Kamaruzaman.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pelancaran



KAMARUZAMAN

Taman Botani UMS, di Bukit UMS, Likas, dekat sini, kelmarin.

Mengenai taman seluas enam hektar itu, katanya, berdasarkan pelan induk yang dihasilkan Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa (SPTA), hanya pokok-pokok tertentu dan jarang ditemui akan ditanam seperti Belian, Seraya (Meranti) dan Urat selain pokok buah-buahan dan herba seperti Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Pasak Bumi dan Putat.

"Melalui taman botani ini, ia akan dapat dimanfaatkan bukan sahaja dari aspek akademik, malah turut memberi faedah dari aspek riadah."

Dr Kamaruzaman berkata, Taman Botani UMS ini bakal menjadipusat pembelajaran dan rujukan ilmu botani, ekologi, fenologi, etnobotani, biologi fauna dan flora, mikroflora serta tumbuhan dari spesis indigenous yang lain.

Katanya, usaha ini dimulakan sekarang namun hasilnya

"Kita harus pupuk kesedaran mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta mengharmonikannya dengan peningkatan kualiti hidup di kampus UMS. UMS sudah wujud selama 16 tahun tapi landskapnya masih lagi tidak menentu kecuali sedikit pemandangan di pintu masuk universiti."

BRIG. JEN DATUK SERI PANGLIMA DR KAMARUZAMAN AMPON
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS)



PENERANGAN... Dr Kamaruzaman menjelaskan sesuatu mengenai cetusan idea pengwujudan Taman Botani UMS.

hanya akan dapat dilihat dalam tempoh 20-30 tahun akan datang yang akan diwariskan kepada generasi yang akan datang.

"Melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), taman ini akan ditanam dengan pelbagai

koleksi tumbuhan tropika dalam dan luar negara yang bermanfaat dari segi akademik dan warisan khazanah."

"Ianya akan menjadi mercu tanda di masa akan datang, selaras dengan misi membangun melalui inovasi di universiti," katanya.